



## TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 5/2025

## REBUTLAH PELUANG BERAMAL DI BULAN SYAABAN

**31 Januari 2025**

*Bersamaan*

**1 Syaaban 1446**

**DIKELUARKAN OLEH:**

## JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

### PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **5 RUKUN KHUTBAH**

1. Memuji Allah SWT
2. Selawat Ke Atas Nabi Muhammad SAW
3. Berpesan supaya bertaqwa kepada Allah
4. Membaca Satu Ayat Al-Quran yang lengkap lagi jelas maknanya
5. Doa Kepada Orang Beriman Dalam Khutbah Kedua

**Khatib hendaklah menyampaikan semua rukun-rukun khutbah dalam bahasa Arab walaupun ia tidak difahami oleh para Jemaah.**

## **KHUTBAH PERTAMA**

عَلَى إِحْسَانِهِ، وَنَشْكُرُهُ عَلَى عِظَمِ نِعَمِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
الْحَمْدُ لِلَّهِ

RUKUN

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا  
مُحَمَّداً عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا

RUKUN

وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا،

RUKUN

يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ، وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا.

**Saudara sidang Jumaat sekalian,**

Saya berpesan kepada hadirin dan diri sendiri agar sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT pada setiap masa, di mana sahaja kita berada, dengan mematuhi titah perintah-Nya dengan sebaik mungkin dan meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita semua di dalam pemeliharaan-Nya dan rahmat-Nya.

Sempena kehadiran bulan Syaaban yang mulia ini, marilah sama-sama kita berikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah Jumaat yang bertajuk

**REBUTLAH PELUANG BERAMAL DI BULAN SYAABAN**

## **Muslimin sekalian,**

Bulan kelapan dalam taqwim Islam adalah Syaaban yang merupakan bulan persiapan menuju bulan Ramadan.

Kerana itu, ramai dalam kalangan salafussoleh ketika bermulanya bulan Syaaban, mereka tekun membaca Al-Quran, membanyakkan infaq membantu golongan fakir miskin sebagai persiapan untuk mereka berpuasa Ramadan.

Antara amalan terbaik ketika berada di bulan Syaaban adalah berpuasa sunat yang menjadi hikmah untuk mempersiapkan diri bagi menyambut bulan Ramadan.

Usamah bin Zaid RA berkata, “Wahai Rasulullah, saya tidak pernah melihat engkau berpuasa pada bulan mana pun seperti engkau berpuasa pada bulan Syaaban.” Baginda SAW menjawab, “Itu adalah bulan yang sering dilupakan oleh umat manusia - di antara bulan Rejab dan Ramadan. Padahal, pada bulan inilah amal perbuatan diangkat kepada Allah Rabbul Alamin. Maka aku suka jika amalku diangkat dalam keadaan sedang berpuasa.”

(Hadis Riwayat Imam Ahmad dan An-Nasa'i)

Lantaran Syaaban adalah bulan terakhir sebelum Ramadan, diingatkan kepada kaum wanita dan mereka yang belum lagi menyelesaikan qada (mengganti) puasa Ramadan yang lalu, inilah masanya untuk mengqadha' puasa tersebut.

## **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Baginda SAW menggunakan kesempatan pada bulan Syaaban ini untuk membanyakkan puasa.

Saidatina Aisyah RA pernah meriwayatkan bahawa, Rasulullah SAW lebih banyak berpuasa sunat pada bulan Syaaban berbanding dengan bulan-bulan lain. (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan kelebihan yang dinyatakan, khatib mengajak muslimin sekalian agar memperbanyakkan amalan di bulan Syaaban ini dengan pelbagai ketaatan dan ibadah terutamanya berpuasa.

Bagi sesiapa yang tidak mampu berpuasa atau membanyakkan amalan baik yang lain, hendaklah berusaha untuk meninggalkan perkara maksiat di bulan ini, sebagai penghormatan terhadap bulan yang mulia ini. Mudah-mudahan kita sentiasa direndai oleh Allah SWT.

Bersama-sama lah kita bertekad dan usahakan untuk terus mengawal pandangan mata daripada melihat yang haram, jagalah lidah daripada menuturkan perkataan yang buruk dan jauhilah makanan yang syubhat dan haram, kerana semua amal kita akan dibentangkan kepada Allah SWT pada bulan yang mulia ini.

### **Saudara sidang Jumaat sekalian**

Nabi SAW telah menyatakan bahawa antara keutamaan bulan Syaaban ini adalah amal perbuatan para hamba sepanjang tahun diperlihatkan kepada Allah SWT.

Amalan kita akan dibentang kepada Allah SWT dalam tiga keadaan:

**Pertama**, secara tahunan, iaitu di bulan Syaaban, sebagaimana yang disabda oleh Rasulullah SAW,

**Kedua**, secara mingguan, iaitu pada setiap Isnin dan Khamis,

**Ketiga**, secara harian, iaitu amalan siang dibentangkan pada waktu asar dan amalan malam dibentangkan pada waktu subuh.

Antara hikmah pembentangan amalan kepada Allah SWT itu adalah agar kita lebih bersungguh-sungguh dalam beramal dan memenuhi dengan pelbagai ketaatan, supaya amalan kita dinaikkan ketika kita sedang berpuasa, berzikir, beristighfar, berdoa dan seumpamanya.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Masyarakat kita juga telah terbiasa dengan amalan malam nisfu Syaaban. Oleh itu, setiap muslim perlu merebut keistimewaan malam nisfu Syaaban, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Mu'az bin Jabal RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَطْلُعُ اللَّهُ إِلَى خَلْقِهِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ،  
فَيَغْفِرُ جَمِيعَ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ

**Maksudnya:** "Allah melihat makhluk-Nya pada malam Nisfu Syaaban, kemudian mengampunkan semua makhluk-Nya kecuali orang yang menyekutukan Allah (musyrik) dan juga orang yang bermusuhan (musyahin)." (Hadis riwayat Ibn Hibban)

Apa yang penting bagi kita adalah usaha pengisian malam Nisfu Syaaban serta malam-malam lainnya dengan pelbagai amalan baik, tidak melanggar perintah Allah SWT, meningkatkan penghayatan tauhid kepada Allah dan membersihkan hati daripada kebencian dan dendam terhadap sesama kita.

### **Muslimin yang berbahagia,**

Mengakhiri khutbah pada hari yang barakah ini, khatib menyeru agar kita sentiasa berusaha untuk melakukan amal yang baik, kerana Allah SWT tidak menerima amalan kecuali yang baik dan ikhlas kepada-Nya .

Bersihkanlah diri daripada sebarang permusuhan kerana ia menghalangi amalan diterima oleh Allah SWT. Perbanyakkanlah berdoa agar Allah SWT menerima amal kita dan mohonlah keampunan daripada-Nya dengan sentiasa beristighfar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

RUKUN

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَسْتَغْفِرُ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

١٩

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقْلِبَكُمْ وَمَثُونَكُمْ

**Maksudnya:** Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun bagi dosamu dan bagi orang yang beriman lelaki dan perempuan; dan Allah mengetahui akan keadaan gerak-gerimu di dunia dan keadaan penetapan kamu di akhirat.

(Surah Muhammad, ayat 19)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،

RUKUN

وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
وَعَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

RUKUN

أَجْمَعِينَ.

فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
اتَّقُوا اللّٰهَ أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ!

RUKUN

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللّٰهُ،

Wahai hamba-hamba Allah, berbaktilah kepada Allah SWT dan jagalah setiap gerak geri dan tutur kata. Setiap tindakan yang dilakukan dan setiap perkataan yang diucapkan pasti akan dicatat oleh malaikat. Sesungguhnya setiap manusia akan diserahkan buku amalan masing-masing pada hari Akhirat nanti, dan ketika itu setiap yang tercatat dalam buku amalan tidak dapat diubah dan tak dapat dipinda lagi. Mudah-mudahan dengan peringatan ini, kita akan menjadi hamba Allah yang mendapat rahmat serta keampunan-Nya dan dimasukkan ke dalam syurga bersama kekasih kita Nabi Muhammad SAW.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

٥٦ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَتِهِ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِنُ الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

RUKUN

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبُّ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ  
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللّهِ شَاهَ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى  
السُّلْطَانَةِ نُورَ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَائِيَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا  
وَالآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَغْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ إِبْنَ الْوَاثِقِ بِاللّهِ السُّلْطَانِ  
مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

اللّهُمَّ أَعِزَّ إِلِّاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِلِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرَ  
أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينَ، وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ.

**Ya Allah,**

Teguhkanlah Iman kami dalam menempuh segala mehnah dan ujianMu, Kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan kepada negara kami Malaysia dan negeri kami Terengganu Darul Iman, Jadikan negeri kami ini negeri yang aman. Jauhi negeri kami daripada sebarang musibah, perpecahan dan huru hara.

**Ya Allah,**

Cemerlangkanlah pendidikan anak-anak kami, Tambahkanlah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah,**

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi baitul maqdis dan seluruh saudara kami disana.

Amiin amiin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.